

PERUBATAN TENAGA
Mohd Nasir Mat Nor (Foto Penulis)



KETAGIHAN DADAH DAN AKUPUNKTUR

Dadah merupakan musuh utama negara sejak dahulu dan kian parah dek kehadiran pelbagai jenis dadah dalam pasaran. Berdasarkan laporan Agensi Antidadah Kebangsaan, Kementerian Dalam Negeri, perbandingan penyalahgunaan dan penagihan dadah atau bahan terlarang pada tahun 2018 dan 2019 didapati semakin meningkat, iaitu daripada 130 788 kepada 142 199 kes.

Keadaan ini cukup membimbangkan walaupun nisbah hanya segelintir jika dibandingkan dengan populasi keseluruhan penduduk Malaysia yang kini dianggarkan berjumlah 32.73 juta orang pada suku tahun pertama 2020. Namun begitu, Malaysia masih memerlukan kerjasama hampir keseluruhan penduduknya dalam merealisasikan impian dan matlamat menjadi negara maju.

Berita Harian pada 14 April 2011 melaporkan bahawa terdapat lebih daripada 160 000 orang pengguna dan penagih dadah di Malaysia. Jumlah ini termasuklah remaja yang berusia seawal 14 tahun yang kini sedang menjalani rawatan dan khidmat nasihat secara sukarela di 30 Klinik Cure and Care 1Malaysia (C&C) dan Pusat Khidmat Cure and Care (CCSC) di seluruh negara, sejak setahun lalu. Jelaslah



Kesan dadah ini boleh menyebabkan ketagihan dan kebergantungan kepada ekstasi, malah pada masa yang sama boleh mengalih keseimbangan *serotonin* otak. Ketidakseimbangan *serotonin* akan menyebabkan seseorang mengalami kemurungan, kerosakan hati, kekejangan otot, gangguan tidur, dan mempunyai masalah daya ingatan.

Terdapat pelbagai usaha yang dilakukan untuk menangani masalah ini, tidak terkecuali usaha yang dilakukan oleh kerajaan. Antara usaha kerajaan untuk menangani masalah penagihan dan penyalahgunaan dadah, termasuklah memperkenalkan pusat serenti, program pemberian *metadon* secara percuma dalam proses mengurangkan ketagihan heroin dan morfin, mewujudkan Agensi Antidadah Kebangsaan yang dijadikan sebagai agensi utama dalam memerangi dadah. Namun begitu, masalah yang masih membelenggu penagih sebenarnya ialah ketagihan walaupun telah memasuki pusat serenti berkali-kali.

Ketagihan ialah satu keadaan "kebergantungan" pada sesuatu bahan atau corak perilaku. Keadaan ini boleh menjadi semakin buruk kesannya apabila seseorang berada dalam keadaan ketagihan, seterusnya gagal untuk mengawal penagihannya hingga membahayakan diri dan orang di sekelilingnya.

Bagi menangani permasalahan ini, pelbagai usaha dan kaedah dilakukan, satu daripadanya ialah kaedah akupunktur. Idea untuk mengurangkan ketagihan dengan menggunakan teknik akupunktur bukanlah perkara baharu. Mengikut sejarah, teknik ini ditemukan secara kebetulan pada tahun 1970-an. Pada tahun 1972, pakar bedah otak dari Hong Kong, iaitu Dr. H. L. Wen menjalankan pembedahan dan menggunakan kaedah akupunktur di telinga pesakit untuk memberikan kesan pelalian kepada pesakit itu. Pesakit tersebut yang secara kebetulan merupakan penagih dadah tegar memberitahu Dr. Wen bahawa masalah ketagihan dadahnya menjadi berkurangan selepas menjalani teknik akupunktur telinga.

bahawa pada usia 14 tahun, sudah ada remaja yang terlibat dengan kes dadah berbahaya ini.

"Jika ingin melihat masa depan sesebuah negara itu, maka lihatlah pada keadaan generasi mudanya hari ini". Pernyataan ini bermaksud kemajuan sesuatu bangsa pada masa hadapan bergantung pada golongan remaja. Jika segelintir generasi muda pada hari ini cenderung kepada dadah, maka jaminan untuk masa depan pastinya akan goyah dan mungkin tidak dapat mencapai sasaran untuk berubah daripada negara membangun kepada negara maju.

Kini, dadah baharu seperti ekstasi atau MDMA (3-4 *Methylenedioxy Methamphetamine*) ialah dadah sintetik dan psikoaktif yang disalahgunakan. Dadah ini dihasilkan di Jerman pada tahun 1912 dan sering digunakan sebagai *party drug* atau *night club drug*. Penggunaan dadah ekstasi boleh menyebabkan peningkatan penghasilan *neurotransmitter*, iaitu bahan kimia *serotonin* dalam otak lantas menjadikan seseorang itu semakin berani dalam melakukan sesuatu perkara dan meningkatkan tenaga tambahan.



Hal ini memungkinkan seseorang itu berupaya melakukan jenayah jalanan seperti meragot, merompak dan merogol.

Pada tahun 1975, sejarah membuktikan bahawa akupunktur pada telinga dapat membantu mengurangkan tahap ketagihan dadah dan alkohol apabila kaedah ini diaplikasikan di Hospital Lincoln, New York.

Akan tetapi, Dr. Wen tidak begitu yakin akan dakwaan tersebut. Beliau seterusnya menguji dan mengkaji kebenaran kata-kata pesakit itu hingga menjumpai kebenaran dakwaan tersebut bahawa akupunktur mampu mengurangkan tahap ketagihan pesakit. Selain itu, pada tahun 1975, sejarah membuktikan bahawa akupunktur pada telinga dapat membantu mengurangkan tahap ketagihan dadah dan alkohol apabila kaedah ini diaplikasikan di Hospital Lincoln, New York.

Teknik akupunktur ialah satu daripada bentuk terapi menggunakan jarum steril dan dimasukkan melalui titik-titik spesifik, seperti titik meridian pada anggota badan pesakit (rujuk gambar). Secara umumnya, terdapat kira-kira 365 titik yang terletak secara sistematik di atas meridian atau rangkaian laluan tenaga yang terdapat di permukaan badan. Namun begitu, adakah akupunktur selamat diamalkan?

Berdasarkan penggunaannya sejak dahulu, teknik akupunktur terbukti selamat dan hanya memberikan kesan sampingan yang amat kecil kepada individu tertentu kerana akupunktur mempunyai sedikit batasan. Bagi pesakit yang menggunakan perentak jantung, mengambil ubat pencair darah atau



Jarum akupunktur yang dimasukkan melalui titik spesifik meridian badan dan pada telinga.

mempunyai kesan alahan kepada logam, teknik akupunktur tidak digalakkan kerana akupunktur mampu memberikan kesan sampingan tertentu.

Terdapat beberapa kesan sampingan yang dapat dilihat selepas melakukan akupunktur, antaranya termasuklah berasa mengantuk selepas rawatan, berlaku pendarahan kecil atau lebam pada tempat jarum dicucuk dan kesakitan semasa proses akupunktur, terutamanya bagi seseorang yang buat kali pertama melakukannya akibat takut pada jarum. Namun begitu, lama-kelamaan kesan tersebut akan berkurangan.

Teknik akupunktur di telinga yang dapat mengurangkan ketagihan dadah adalah dengan mencucuk lima batang jarum pada titik tertentu di telinga selama 45 minit. Kesan pengurangan ketagihan dadah dapat dilihat dalam masa tertentu bergantung pada tahap ketagihan seseorang penagih. Hasil kajian saintifik mengenai kebaikan akupunktur turut menyokong keberkesanan teknik akupunktur.

Berdasarkan kajian Kim Mi Ryeopadatabase pada tahun 2005 yang bertajuk "Effect of acupuncture on behavioral hyperactivity and dopamine release in the nucleus accumbens in rats sensitized to morphine" dari Daegu Haany University, Korea Selatan, berjaya

membuktikan keberkesanan akupunktur dalam merawat ketagihan dadah.

Dalam kajian tersebut, Kim menggunakan tikus sebagai bahan uji kaji bagi dadah morfina. Keputusan menunjukkan bahawa akupunktur pada bilateral Shenmen (HT7) selama seminit mampu mengurangkan pengaruh morfin melalui penurunan aktiviti hormon *dopamin*. Kesan akupunktur menunjukkan bahawa perencatan aktiviti neurokimia pada otak berjaya dilakukan. Pada masa yang sama, kesan morfin juga dapat disekat daripada mempengaruhi otak yang boleh menyebabkan ketagihan.

Akan tetapi, pada tahun 2009, hasil kajian Dr. Jenifer dari Hospital Bethlem Royal, United Kingdom yang dimuatkan dalam makalah yang bertajuk "Auricular acupuncture as an adjunct to opiate detoxification treatment: Effects on withdrawal symptoms", mendapati bahawa akupunktur gagal mengurangkan ketagihan terhadap *opiod*.

Berdasarkan kajian beliau yang menggunakan teknik akupunktur di telinga 83 orang penagih dadah aktif mendapati bahawa teknik ini gagal mengurangkan ketagihan *opiod* berbanding dengan pemberian metadon secara percuma untuk mengurangkan

penagihan heroin dan morfin. Walaupun kajian tersebut memberikan output yang kurang memberangsangkan terhadap teknik akupunktur, tetapi kita tidak boleh menolak keberkesanan teknik tersebut.

Mungkin teknik akupunktur sesuai kepada penduduk Asia sahaja, atau teknik atau ketepatan titik akupunktur berbeza antara orang Eropah dengan orang Asia. Akupunktur sebenarnya bukanlah teknik yang ideal, tetapi jika teknik ini digabungkan dengan teknik lain seperti pemberian *metadon* percuma, dan sebagainya dalam mengawal ketagihan dadah, sudah pasti misi menangani masalah ketagihan dadah akan berjaya pada peringkat dunia, amnya dan Malaysia, khasnya.

Secara kesimpulannya, penggunaan pelbagai teknik untuk mengurangkan ketagihan dadah sepatutnya disokong dan diteruskan kajiannya, sama ada tekniknya digabungkan dengan baik berdasarkan kes tertentu ataupun sebaliknya. Hal ini memungkinkan kesan ketagihan dadah dapat dikurangkan dengan meningkatkan keberkesanannya, dan secara tidak langsung mengurangkan jumlah penyalahgunaan dadah pada suatu hari nanti. Jadikanlah negara Malaysia sebagai sebuah negara model dalam membanteras penyalahgunaan dadah. [dx](#)

Dr. Mohd Nasir bin Mat Nor, Pensyarah Kanan, Fakulti Perubatan Universiti Sultan Zainal Abidin.